



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 10/5/2021 | MUKA SURAT | : | 19 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |



SATU unit beg silang yang disyaki diperbuat dari kulit dan kepala buaya yang ditemui.

Putrajaya: Seludup kulit dan kepala buaya secara haram. Itu antara kegiatan seorang lelaki tempatan yang berjaya dibongkar sepasukan pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, tindakan dilakukan sepasukan empat anggota penguat kuasa Perhilitan Johor susulan maklumat diberikan pegawai Kastam Diraja Malaysia (KDRM) di Taman Perindustrian I-Park Senai Airport City, Senai, Johor.

Menurutnya, dalam serbuan jam 12.30 tengah hari Selasa lalu, pihak Perhilitan dan KDRM menahan seorang lelaki tempatan berusia 48 tahun sebelum pemeriksaan dibuat terhadap

Perhilitan bongkar kegiatan seludup kulit buaya

bungkusan milik lelaki terbabit.

“Hasil pemeriksaan menemui satu unit beg silang yang disyaki diperbuat dari kulit dan kepala buaya.

“Semakan pada bungkusan berkenaan mendapati produk dari kulit buaya itu tidak mempunyai dokumen import yang sah daripada Jabatan Perhilitan.

“Susulan itu bungkusan dan dokumen berkaitan rampasan diserahkan ke-

pada Jabatan Perhilitan untuk tindakan lanjut. Laporan polis turut dilakukan di Balai Polis Senai,” katanya.

Kadir tidak menolak kemungkinan wujud sindiket menyeludup trofi atau barangan kulit hidupan liar secara haram menggunakan khidmat kurier.

Sebelum ini Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah turut menumpaskan sindiket menyeludup buaya dari negara jiran susu-

lan penemuan 220 buaya di kawasan hutan bakau di Kampung Pasir Putih, Tawau, Sabah.

Buaya itu dipercayai diseludup untuk mendapatkan kulitnya yang mempunyai nilai tinggi di pasaran gelap.

Beliau berkata, suspek diasasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang boleh dikenakan denda tidak kurang RM100,000 dan maksimum RM500,000 serta dipenjarakan tidak melebihi lima tahun.

“Pada masa sama, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan diharapkan dapat menghubungi talian hotline Perhilitan di 1-800-88-5151 atau layari laman web www.wildlife.gov.my untuk maklumat lanjut,” katanya.

Kulit buaya mempunyai nilai tinggi di pasaran gelap